



Pemberitahuan Umum

Pemberitahuan Tentang Audit Penilaian MSPO untuk Palmraya Pelita Meruan Plantation Sdn. Bhd.

Tarikh: 2 April 2018

Pihak berkepentingan yang dihormati,

Palmraya Pelita Meruan Plantation Sdn. Bhd. telah memohon kepada SGS (Malaysia) Sdn. Bhd. Dan akan menjalankan Audit Persijilan Awal di **Ladang Palmraya Pelita Meruan Plantation Sdn. Bhd.** bertempat di Gigis Land District, Sibul Division, 96000 Sibul Sarawak, bagi memenuhi keperluan **Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO), MS2530-3: 2013: Prinsip-Prinsip Am Untuk Ladang-Ladang Kelapa Sawit Dan Pekebun-Pekebun Kecil Teratur** untuk operasi perladangan.

Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) merupakan skim pensijilan nasional di Malaysia untuk industri kelapa sawit oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) ke arah pengeluaran produk minyak sawit mampan. MSPO telah dilancarkan pada 19 November 2013 oleh Timbalan Perdana Menteri yang dikendalikan oleh Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC); sebuah organisasi bebas dan diperbadankan di bawah Akta Syarikat Malaysia, 1965. Organisasi ini telah mengambil peranan yang aktif dalam proses pensijilan MSPO dan memastikan pematuhan terhadap semua prinsip-prinsip MSPO dari peringkat pengeluaran hingga ke peringkat pemprosesan.

SGS Malaysia kini dalam peringkat perancangan untuk menjalankan audit penilaian bagi organisasi ini yang beroperasi dengan **01 Ladang** pada **03 Mei 2018**.

Nama ladang	Lokasi	GPS Rujukan		Tanaman	Jumlah Kawasan (Ha)	
		Latitud	Longitud		Ditanam	Tidak ditanam
Palmraya Pelita Meruan Plantation Sdn. Bhd.	Gigis Land District, Sibul Division, 96000 Sibul Sarawak, Malaysia	N 02° 33' 25.7"	E 112° 17' 15.7"	FFB	4,880.88	346.01

* Sumber: Data dari **01 November 2016 hingga 31 Disember 2017**

SGS adalah syarikat yang terkemuka di dunia dalam pemeriksaan, pengesahan, pengujian dan pensijilan. SGS diiktiraf sebagai penanda aras global untuk kualiti dan integriti. Dengan lebih daripada 95,000 pekerja, SGS mengendalikan rangkaian lebih 2,400 pejabat dan makmal di seluruh dunia. SGS Malaysia kini sudah mendapat pengiktirafan oleh Jabatan Standards Malaysia (DSM) sebagai Badan Pensijilan MSPO yang diiktiraf.

Pasukan penilai bagi penilaian pensijilan terdiri daripada:

Encik Dickens Mambu	Ketua Juruaudit untuk Amalan Terbaik Pertanian, Pengurusan Perosak Bersepadu, kebajikan pekerja, aspek sosial dan Rantaian Pembekalan
	Ketua Juruaudit bagi Sistem Pengurusan Kualiti, Sistem Pengurusan Alam Sekitar, keselamatan dan kesihatan, dan fasih dalam bahasa-bahasa tempatan.
	Ketua Juruaudit untuk aspek sosial, kebajikan pekerja dan fasih dalam bahasa-bahasa tempatan
Encik Abdul Khalik Arbi	Juruaudit untuk Amalan Terbaik Pertanian, Pengurusan Perosak Bersepadu, kebajikan pekerja, aspek sosial dan Rantaian Pembekalan
	Juruaudit bagi Sistem Pengurusan Kualiti, Sistem Pengurusan Alam Sekitar, keselamatan dan kesihatan, dan fasih dalam bahasa-bahasa tempatan.
	Juruaudit untuk aspek sosial, kebajikan pekerja dan fasih dalam bahasa-bahasa tempatan

Menjemput pihak berkepentingan untuk memberi komen (jika ada) pada mana-mana daripada perkara yang berikut berkenaan dengan lokasi penilaian:

- Perlindungan alam sekitar dalam estet atau kilang termasuk penggunaan racun perosak dan pengurusan efluen.
- Biodiversiti dalam ladang dan kilang sawit
- Peluang Pekerjaan
- Sumbangan untuk pembangunan tempatan
- Penyediaan perumahan, sanitasi, kemudahan dan sokongan pendidikan
- Isu-isu lain yang berkaitan dengan penilaian

Komen diterima dalam masa 30 hari dari tarikh surat ini akan dipertimbangkan semasa penilaian pensijilan. Sila lengkapkan butiran seperti berikut sekiranya kami perlu menghubungi untuk mendapatkan penjelasan anda pada sebarang dikeluarkan dibangkitkan.

Nama : _____
Alamat : _____
Telefon : _____
Faks : _____

Jika anda ingin komen anda dirahsiakan ataupun komen tanpa nama, sila nyatakan SULIT dan hantar komen anda ke:

SGS (Malaysia) Sdn. Bhd.	Palmraya Pelita Meruan Plantation Sdn. Bhd.
Mr. Kenny Looi Certification & Business Enhancement (CBE); Country Business Manager (CBE) Unit 10-1, 10 th Floor, Bangunan Malaysian RE No. 17, Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia Phone: +603 2095 9200 Fax: +603 2093 8202 E-mail: kenny.looi@sgs.com	Mr Raymond Nyian Assistant Manager (Sustainability) Agronomy and Sustainability Department Palmgroup Holdings Sdn Bhd Mafrica Group of Companies 2nd Floor, No.11, Jalan Mission 96000 Sibul, Sarawak HP +60128810052, TEL +6084353155, FAX +6084332153 email: raymondny@mafrica.com.my